



Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif

**PERANAN BAHAGIAN PEMULIHARAAN PERBADANAN
KEMAJUAN KRAFTANGAN MALAYSIA CAWANGAN SARAWAK
DALAM MENINGKATKAN APRESIASI SENI KRAF**

Nur Rapizah Bt Oden

**Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Pengurusan Seni)
2012**

P. KHIDMAT MAKLUMAT AKADEMIK
UNIMAS



1000275222

**PERANAN BAHAGIAN PEMULIHARAAN PERBADANAN KEMAJUAN
KRAFTANGAN MALAYSIA CAWANGAN SARAWAK DALAM
MENINGKATKAN APRESIASI SENI KRAF**

NUR RAPIZAH BT ODEN

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Seni Gunaan dengan Kepujian
Pengurusan Seni

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2012

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS/LAPORAN

JUDUL: PERANAN BAHAGIAN PEMULIHARAAN PERBADANAN KEMAJUAN KRAFTANGAN MALAYSIA CAWANGAN SARAWAK DALAM MENINGKATKAN APRESIASI SENI KRAF

SESI PENGAJIAN: 2011/2012

Saya NUR RAPIZAH BT ODEN mengaku membenarkan tesis/laporan ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis/Laporan adalah hakmilik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis/laporan ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi
5. *Sila tandakan

SULIT

(mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan seperti termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan



Tandatangan Penulis

Tarikh: 29.06.2012



Tandatangan Penyelia

Tarikh: 29/6/12

Alamat Tetap:

No 57, Kpg Muara Tuang,
94300 Kota Samarahan,
SARAWAK.

Catatan: * Tesis/Laporan dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda

* Jika Tesis/Laporan ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sebab dan tempoh Tesis/Laporan ini perlu dikelaskan SULIT atau TERHAD


Projek bertajuk **Peranan Bahagian Pemuliharaan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia Cawangan Sarawak** dalam meningkatkan apresiasi seni kraf ini telah disediakan oleh **Nur Rapizah bt Oden** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Gunaan dengan Kepujian Pengurusan Seni.

Diterima untuk diperiksa oleh:



(Cik Karen Audrey Samy)

Tarikh:



PENGHARGAAN

Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera

Bersyukur saya kehadiran illahi dengan limpah kurnianya dapat saya menyiapkan Penyelidikan Tahun Akhir ini sebagai syarat bergraduasi untuk pelajar Pengurusan Seni. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Cik Karen Audrey Samy yang merupakan penyelia untuk penyelidikan ini dan banyak membantu serta memberi tunjuk ajar kepada saya. Tidak lupa juga kepada semua pensyarah program Pengurusan Seni lain yang banyak memberi tunjuk ajar sepanjang menjayakan penyelidikan ini. Tanpa mereka, pastinya kajian ini tidak dapat dihasilkan dengan sebaiknya.

Di samping itu, penghargaan terima kasih juga diucapkan kepada pihak Perbadanan Kraftangan Malaysia Cawangan Sarawak terutamanya En.Haironi bin Bohari, Puan Udaidah Hj Suhaili, dan Puan Saptuyah bt Mohd Edoon atas kerjasama yang diberikan sepanjang penyelidikan ini dijalankan.

Akhir sekali jutaan terima kasih kepada keluarga saya yang banyak membantu dan menyokong saya sepanjang kajian ini dijalankan terutamanya kepada ibu dan ayah saya. Tidak lupa juga, ribuan terima kasih saya ucapkan kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu sepanjang menyiapkan Projek Tahun Akhir ini. Semoga Allah memberkati kalian semua.

JADUAL KANDUNGAN

Penghargaan	i
Jadual kandungan	ii-v
Abstrak	vi
<i>Abstract</i>	vii
Senarai singkatan	viii
Bab 1 Pengenalan	
1.1 Pengenalan	1
1.1.1 Sejarah Perkembangan Perbadanan Kraftangan Malaysia	6
1.1.2 Kraftangan Malaysia Cawangan Sarawak	8
1.1.3 Bahagian Pemuliharaan	11
1.1.4 Pendidikan kraf	14
1.2 Objektif Kajian	17
1.3 Hipotesis Kajian	20
1.4 Skop Kajian	20
1.5 Permasalahan Kajian	21
1.6 Persoalan Kajian	23
1.7 Kepentingan Kajian	23
Bab 2 Sorotan Kesusasteraan	
2.0 Pengenalan	25
2.1 Definisi	
2.1.1 Pengurusan	25

2.1.2 Kraf	26
2.1.3 Apresiasi	28
2.2 Kaitan dari segi pengurusan	29
2.3 Kaitan dari segi pendidikan seni (<i>arts education</i>)	32
2.4 Kaitan dari segi perkembangan pembelajaran seni dalam kalangan pelajar	36
2.5 Kaitan dari segi apresiasi kraf	38
2.6 Kaitan dari segi kraf sebagai sumber pendapatan	40
2.7 Kaitan dari segi penyertaan dalam aktiviti seni	42
2.8 Kaitan dari segi strategi meningkatkan penyertaan dalam aktiviti seni dan kraf	45
2.9 Rumusan	47

Bab 3 Metodologi Penyelidikan

3.1 Pengenalan	48
3.2 Lokasi Kajian	49
3.3 Sumber Data	
3.3.1 Data Primer	50
3.3.2 Data Sekunder	51
3.4 Populasi	52
3.5 Persampelan	53
3.6 Instrumen Kajian	56
3.7 Kaedah Analisis Data	59
3.8 Limitasi Kajian	60

3.9 Rumusan	61
-------------	----

Bab 4 Analisa dan Dapatan kajian

4.1 Pengenalan	62
4.2 Penganalisaan Data	
4.2.1 Temuramah	
4.2.1.1 Perancangan program Pendidikan Kraf	63
4.2.1.2 Antara cabaran yang dihadapi dalam menjalankan bengkel kraf	67
4.2.1.3 Penilaian tahap prestasi organisasi	68
4.2.1.4 Aktiviti lain yang dianjurkan oleh bahagian Pemuliharaan	69
4.2.1.5 Perancangan program pendidikan kraf di UITM Samarahan	69
4.2.2 Borang Soal Selidik	
4.2.2.1 Pendidikan Kraf Mega di UITM Samarahan	74
4.2.2.2 Pendidikan Kraf Batik di SK Gita 2	105
4.2.2.3 Pendidikan Kraf Manik di SMK Sg Maong	106

4.3 Hasil pemerhatian penyelidik	
4.3.1 Sambutan terhadap bengkel kraf yang diadakan	126
4.3.2 Kepentingan bengkel kraf kepada para pelajar	126
4.3.3 Bengkel kraf sebagai platform kerjasama	127
4.3.4 Pendidikan seni di sekolah kurang membantu meningkatkan kemahiran pelajar dalam aktiviti seni	129
4.4 Kerangka teori <i>Total Quality Management</i>	130
4.5 Kesimpulan	136

Bab 5 Rumusan dan cadangan

5.1 Pengenalan	138
5.2 Rumusan	139
5.3 Cadangan	144
5.4 Cadangan untuk pengkaji akan datang	150
5.5 Kesimpulan	151
Bibliografi	152
Lampiran	155

ABSTRAK

Penyelidikan ini berkaitan dengan peranan yang dimainkan oleh Bahagian Pemuliharaan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia Cawangan Sarawak (PKKMS) dalam meningkatkan apresiasi seni kraf. Kraf merupakan suatu kegunaan harian pada masa dahulu, namun, oleh sebab perubahan cara hidup tempatan kini menyebabkan kraf hanya menjadi suatu perhiasan di rumah-rumah. Oleh itu, suatu pendekatan baharu diperlukan bagi terus menyemai apresiasi kraf dalam diri masyarakat iaitu melalui usaha yang dilaksanakan bahagian Pemuliharaan PKKMS dalam melaksanakan bengkel pendidikan kraf. Melalui bengkel ini, para peserta didedahkan dengan teknik pembuatan kraf dan bahan-bahannya. Oleh itu, kajian ini bertindak untuk mengenalpasti peranan dan aktiviti bahagian Pemuliharaan PKKMS dalam meningkatkan apresiasi seni kraf. Di samping, membincangkan impak pembelajaran kraf terhadap diri para peserta. Melalui pendekatan ini, pengumpulan data kualitatif dan kuantitatif dikumpul bagi mendapatkan hasil kajian. Justeru, hasil akhir kajian adalah penting untuk menjadikan bengkel kraf sebagai medium apresiasi seni warisan bangsa.

ABSTRACT

This research related to the role played by the Malaysian Handicraft Development Corporation Sarawak Branch which is Conservation Department (PKKMS) in enhancing the appreciation of the craft. Craft is a daily use in the past, but, due to changes in the lifestyle nowadays made the craft use for an ornament. Therefore, a new approach is needed to continue to instill appreciation of the craft within the community through efforts of PKKMS in conducting craft education workshops. Through this workshop, participants are exposed to the craft making and material. Therefore, this study serves to identify the roles and activities of PKKMS in enhancing appreciation of craft towards the community. In addition, this research conducted to discuss the impact of craft education towards the participants themselves. Through this approach, the qualitative and quantitative data collected for the study. Thus, the research is important to make the craft workshops as a medium of artistic appreciation.

SENARAI SINGKATAN

dll	dan lain-lain
PKKMS	Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia Cawangan Sarawak
En.	Encik
Pn.	Puan
&	dan

BAB 1

PENGENALAN

1.1 PENGENALAN

Seni kraf tradisional merupakan seni penghasilan kraf secara semulajadi dengan menggunakan tangan dan memerlukan kepakaran serta ketelitian yang tinggi untuk menghasilkan sesuatu kraf. Kraf tradisional juga menggunakan unsur alam semulajadi sebagai bahan asas buatan seperti buluh, tanah liat, rotan, daun, pokok kayu, dan lain-lain lagi.

Menurut Margetts (1991) mendefinisikan kraf sebagai *“the words ‘crafts’ embraces a spectrum of meanings and object types, including the most basic utilitarian artefacts of everyday living, the works here are all made with an exceptional degree of personal commitment. The crafts are needed and wanted for a complicated variety of reasons. These include nostalgia, aesthetic accessibility, notions of individuality, and an ideology of opposition.*

Margetts (1991) meneruskan hujahnya, setiap proses dalam penghasilan kraf adalah bergantung kepada kreativiti pembuat kraf sendiri iaitu dari segi peralatan, material bahan, teknik, penggunaan warna, tekstur, skala pembuatan, konsep, dan fungsi. Di samping itu, kebanyakan produk kraf

yang dihasilkan oleh sesebuah bangsa tersebut adalah bergantung kepada aktiviti harian masyarakat terutamanya dari segi ekonomi dan sosial. Contohnya, Orang Ulu membina petempatan di kawasan pedalaman dan di dalam hutan, justeru, mereka memanfaatkan sepenuhnya sumber alam sebagai inspirasi mereka untuk berkarya. Oleh itu, mereka terkenal dengan ukiran kayu yang unik menggunakan motif "*tree of life*" yang terdapat pada ukiran sape iaitu sejenis alat muzik Orang Ulu.

Kraf tradisional berfungsi sebagai kegunaan harian oleh masyarakat pada suatu masa dahulu, misalnya tembikar seperti labu sayung digunakan untuk menyimpan air, tikar rotan sebagai alas duduk yang popular suatu ketika dahulu, dan manik menjadi perhiasan para wanita untuk menambahkan kejelitaan seseorang wanita tersebut. Perubahan cara dan taraf hidup masyarakat kini menyebabkan kraf tidak lagi menjadi suatu keperluan di rumah-rumah mereka. Malah, dengan berlangsungnya gelombang arus kemajuan teknologi masa kini menyebabkan kraf tradisional berubah kepada ciri-ciri kontemporari. Justeru, barangan kraf masih mampu bertahan dan juga mempunyai ciri-ciri kreativiti yang unik. Menurut Leigh (2000), "*crafts and trade are not necessarily linked, but they are often closely associated. This is especially true when we examine the concept of 'traditional crafts', a term which is often used very loosely in relation to a particular objects, its design, or its use in everyday life. Historically, all crafts as we know them*

today were part of the business of living, a part of the people's culture. Most often, they were part of the ruler's culture".

Berdasarkan kenyataan Leigh (2000) di atas, kraf pada asalnya berfungsi secara tradisional berkembang menjadi suatu bentuk perniagaan yang menguntungkan dengan menyumbang kepada pertambahan pendapatan masyarakat melalui aktiviti perdagangan barangan kraf sama ada untuk penggemar kraf tradisional dan penggemar kraf kontemporari. Selain itu, barangan kraf tempatan juga berupaya membantu mempertingkatkan ekonomi sektor pelancongan dalam negara Malaysia.

Leigh (2000) menambah hujahnya "*the efforts of Kraftangan to co-ordinate the production of sufficient handicrafts by the government and the private sectors to satisfy the need of local and foreign tourists have led to the need to expand production*". Direktori Kraf Malaysia 1995/96 (*Malaysian Crafts Directory 1995/ 96*) telah menyenaraikan 262 syarikat yang terlibat dalam pembuatan kraf. Oleh itu, pembuatan kraf merupakan satu industri yang besar di Malaysia. Peratusan kenaikan pelancong ke dalam negara Malaysia telah menyumbang untuk meningkatkan hasil pengeluaran dan menjana pendapatan para penghasil kraf tempatan.

Selain itu, kraf juga melambangkan identiti sesuatu kaum, misalnya, kaum Iban bukan sahaja terkenal dengan tenunan Pua Kumbu, malah mereka juga

mempunyai produk kraf warisan iaitu Pasu Iban. Pasu Iban merupakan sejenis pasu yang berwarna hitam dan secara tradisionalnya digunakan sebagai bekas untuk mencelup warna pua kumbu. PKKMS telah mengambil langkah memulihara kraf pasu Iban ini dengan melantik seorang tokoh adiguru kraf iaitu Encik Andah ak Lembang. Leigh (2000) meneruskan hujahnya dengan menambah "*identity, industry, and ingenuity are different faces of Malaysian crafts. The socio-political, economic, and aesthetic dimensions are all aspects influencing the production, consumption, and appreciation of the many facets of Malaysian material culture in the beginning of the twenty-first century*".

Seni kraf merupakan warisan bangsa yang meliputi kepelbagaian bangsa yang terdapat di Malaysia. Kepelbagaian ini telah mewarnai industri kraf di mana setiap bangsa berkeinginan untuk memperkenalkan warisan kraf mereka kepada masyarakat umum sama ada untuk tujuan pemeliharaan dan juga pengkomersilan. Oleh itu, kegemilangan serta kehebatan warisan seni kraf tempatan hendaklah disampaikan terutamanya kepada generasi muda dan masyarakat umum kerana ia merupakan antara teras terpenting dalam pembentukan tamadun sesebuah bangsa.

Sebelum berlaku evolusi perkembangan dalam seni kraf masa kini, sejarah membuktikan dengan jelas tentang masa depan kraf sebagaimana yang diperkatakan oleh Soetsu Yanagi (1972) dalam bukunya "*history clearly*

indicates that as industrial capitalism flourished, handcrafts declined in the East and the West alike. As we look backwards, suddenly in Japan about the year 1887 there was a sharp loss of beauty in all the crafts”.

Hal ini menunjukkan sejajar dengan perkembangan teknologi, tumpuan terhadap kraf adalah semakin berkurangan. Masyarakat juga semakin jauh dari mendalami ilmu kraf dan asyik mengikuti transformasi dalam teknologi ICT yang semakin canggih. Oleh itu, adalah penting bagi mewujudkan kesedaran dalam kalangan masyarakat untuk terus memelihara dan memulihara warisan kraftangan tempatan.

Justeru, peranan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia Cawangan Sarawak (PKKMS) adalah penting dalam menyemai apresiasi dan penghayatan nilai terhadap karya seni seperti kraf. PKKMS melalui program pendidikan kraf telah menjalankan pelbagai aktiviti pendidikan yang bertujuan untuk mendedahkan serta menyampaikan maklumat seni kraf warisan kepada kumpulan sasaran terutamanya golongan belia. Melalui bengkel kraf yang diselenggarakan oleh Bahagian Pemuliharaan, PKKMS, masyarakat didedahkan mengenai sejarah, proses, teknik, reka corak, serta berpeluang menghasilkan sendiri produk kraf warisan mengikut kreativiti masing-masing.

1.1.1 Sejarah Perkembangan Perbadanan Kraftangan Malaysia

Menyusuri susur galur perkembangan warisan kraftangan Malaysia, faktor geografi memainkan peranan dalam menyumbang kepada pembentukan keperibadian hasil ketukangan kraftangan negara. Malaysia merupakan salah satu laluan perdagangan utama dunia di mana ia terletak di hujung Benua Asia dengan tanah yang menganjur menyusuri Laut China Selatan dan Selat Melaka. Pedagang-pedagang dari India, Asia Barat dan China membawa hasil dagangan bersama budaya yang kini mewarnai rupa bentuk kraf tanah air.

Abad ke 19 pelbagai seni kraf berkembang di negeri Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perak. Tukang-tukang kraf ketika itu bernaung di bawah pengaruh istana dan pembesar-pembesar negeri, menjadikan seni kraf tempatan tidak berkembang dan digunakan sebagai kegunaan istana semata-mata.

Pameran tahunan yang diselenggarakan oleh Persatuan Pertanian dan Perkebunan Malaya (MAHA atau *Malaysian Agri-Horticultural Association*) memberi ruang pasaran kepada produk kraf. Pertunjukan pameran yang dipertontonkan adalah pertunjukan hasil pertanian dan perkebunan serta pekerjaan tangan. Program MAHA berkonsepkan astaka ini telah mengenengahkan demonstrasi kraf sebagai aktiviti utama. Negeri-negeri mula mengambil langkah memajukan seni kraf dengan bermulanya Negeri Kedah menubuhkan sekolah pertukangan untuk melatih penuntut dalam bidang kraf emas, perak,

mengecap batik, tembikar dan tenunan. Kolej Sultan Abdul Hamid, Kedah memulakan sekolah tenunan pada tahun 1935 dan 1959 sekolah tenun ditukar kepada Sekolah Latihan Gadis-Gadis.

Penubuhan Lembaga Kemajuan Kampung dan Perusahaan (RIDA) memberi nafas baru kepada perusahaan kraftangan dengan menyalurkan bantuan kepada pengusaha-pengusaha luar bandar dalam bentuk kewangan, latihan kemahiran, bahan mentah dan saluran pasaran. Pada tahun 1966 Majlis Amanah Rakyat (MARA) ditubuhkan bagi meneruskan peranan RIDA dan di bawah MARA Pusat Kemajuan Pertukangan Tangan diwujudkan pada 1 Januari 1967. Selain saluran bantuan pusat ini berperanan membuat penyelidikan teknik, rekabentuk dan rekacorak.

Tahun-tahun 70an industri plastik mula mewarnai pasaran dunia dan titik inilah bermulanya kesedaran dan penghargaan terhadap seni ketukangan tanah air. Maka tercetuslah semangat baru yang optimis terhadap karya-karya seni dimensi baru. Era baru perkembangan seni kraf ini menimbulkan semangat keusahawanan dan pada masa itulah tertubuhnya Lembaga Kraftangan Malaysia pada 14 Mei 1973. Dalam usaha untuk terus meningkatkan industri kraf tempatan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia atau Kraftangan Malaysia telah ditubuhnya pada 1 Oktober 1979 di bawah akta 222. Kini Kraftangan Malaysia telah mencapai usia 30 tahun.

(Laman rasmi Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia)
http://www.kraftangan.gov.my/main/content/33/?page_name=Sejarah_Kraftangan_33&menuid=52

1.1.2 Kraftangan Malaysia Cawangan Sarawak

Kraftangan Malaysia Cawangan Sarawak sebelumnya dikenali sebagai Pusat Pembangunan Kraf Sarawak yang terletak di Bangunan Mara Negeri Sarawak, Kuching dan telah beroperasi sejak tahun 1978. Pusat ini adalah merupakan sebuah pusat yang menjalankan aktiviti pengeluaran produk kraf berasaskan bahan tekstil dan pusat jualan kraf.

Visi Kraftangan Malaysia Cawangan Sarawak adalah menjadi pemimpin dalam pembangunan industri kraf yang kukuh dan berdaya saing. Misi, mengkomersilkan produk seni kraf melalui pembangunan pasaran produk dan usahawan.

Objektif utama penubuhan Kraftangan Malaysia Cawangan Sarawak adalah untuk meningkatkan kesedaran dan minat terhadap penggunaan produk kraf tempatan. Yang kedua, untuk membangunkan produk berkualiti yang berorientasikan pasaran. Yang ketiga, meluaskan saiz pasaran produk kraf. Yang keempat, menggalakan pertumbuhan dan memajukan industri kraf. Yang terakhir, menyediakan tenaga terlatih mengikut keperluan industri kraf.

Di Perbadanan Kraftangan Sarawak kini menempatkan dua bahagian galeri utama iaitu Galeri Warisan dan Galeri Pameran. Galeri Warisan menempatkan produk-produk kraf tradisional seperti kraftangan setiap etnik yang terdapat di Sarawak iaitu Selayang Keringkam dan perhiasan bagi Melayu Sarawak, Pasu Iban bagi orang Iban, ukiran buluh, pasu Sarawak, perhiasan manik, sulaman, tenunan pua, dan banyak lagi. Selain itu, bahagian ini juga mempamerkan gambar dan biodata tokoh kraf dan adiguru serta hasil kraftangan mereka. Manakala, bahagian Galeri Pameran pula, mempamerkan produk-produk kraf yang telah disuntik elemen kontemporari untuk tujuan pengkomersilan kepada pengunjung yang datang.

Terdapat empat pembahagian unit utama iaitu, Bahagian Pentadbiran Am, Bahagian Pembangunan Usahawan, Bahagian Promosi dan Pemuliharaan, dan Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan. Diskripsi objektif setiap unit adalah seperti berikut:

i) Bahagian Pentadbiran Am

Mengendalikan urusan kewangan secara teratur selaras dengan kehendak-kehendak dan peraturan-peraturan kewangan, serta membantu urusan pentadbiran am dan memberi khidmat sokongan kepada pelaksanaan aktiviti program pembangunan Kraftangan Malaysia Cawangan Sarawak.

ii) Bahagian Pembangunan Usahawan

Pecahan daripada objektif kementerian dan jabatan dan ia dinyatakan dalam bentuk objektif jangka pendek yang perlu dicapai oleh bahagian.

iii) Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan

Menjadi penggerak dan peneraju dalam aspek penyelidikan dan pembangunan. Kedua, membangunkan produk kraf untuk tiga bidang kraf utama iaitu Tekstil, Seramik dan Hasil Rimba yang berdaya saing di pasaran domestik dan antarabangsa. Ketiga, memperkenalkan pengeluaran produk kraf dengan penggunaan mesin dan peralatan baru yang di perkenalkan. Keempat, memperkenalkan penggunaan bahan baru dan campuran di dalam penghasilan produk kraf.

iv) Bahagian Promosi dan Pemuliharaan

Menyediakan perkhidmatan sokongan untuk meningkatkan pasaran keluaran industri kraf tempatan, serta membantu mempromosikan produk baru hasil keluaran pengusaha kraf tempatan.

1.1.3 Bahagian Pemuliharaan

Objektif utama penubuhan bahagian ini adalah untuk memulih dan memelihara perkembangan dan kemajuan kraf tempatan melalui pengumpulan, kajian dan merekod segala sumber yang berkaitan dengan khazanah kraf Malaysia supaya menjadi bahan rujukan utama dan seterusnya dapat mendidik masyarakat menghayati dan mencintai seni kraf warisan.

Antara strategi yang diambil bagi merealisasikan matlamat organisasi adalah yang pertama, mengumpul khazanah dan koleksi kraf warisan tempatan yang berkaitan dengan latar budaya dan kehidupan sesebuah masyarakat di negara ini. Kedua, menganjurkan pendidikan kraf yang merangkumi aktiviti interaktif, bengkel, forum, seminar serta kembara kraf bagi memberi peluang kepada kumpulan sasar melihat, mempelajari dan mengalami sendiri situasi sebenar seni warisan kraf. Ketiga, melaksanakan pameran kraf warisan berkonsepkan pameran bertema, pameran tetap dan galeri warisan yang bertujuan membantu penyebaran maklumat kraf dalam usaha mewujudkan kesedaran masyarakat supaya menghargai dan mencintai kraf tempatan. Keempat, melakukan aktiviti baik pulih dan menghasilkan semula (re-pro) produk kraf tempatan dalam usaha memulih dan memelihara seni kraf negara. Yang terakhir, mengenalpasti dan memberi pengiktirafan kepada tokoh-tokoh kraf negara ini yang banyak menyumbang jasa dalam usaha membangun dan mengekalkan seni kraf warisan.

Aktiviti bahagian Pemuliharaan adalah terbahagi kepada dua bahagian yang utama iaitu untuk memelihara dan memulihara. Aktiviti memelihara termasuklah memelihara produk kraf warisan, aktiviti adiguru, mengiktiraf para tokoh kraf, serta mencari dan terus mencari produk warisan yang belum diperkenalkan. Aktiviti memulihara pula adalah menerusi pelaksanaan aktiviti bengkel, seminar, kursus, dan interaktif kraf yang dianjurkan oleh bahagian ini.

Bahagian Pemuliharaan ini terdiri daripada empat orang staf tetap dan diketuai oleh Puan Salmi bt Hj Mohd Isa. Seterusnya diikuti oleh Encik Haironi selaku Penolong Pegawai Ehwal Ekonomi dan juga merupakan pengarah projek program pendidikan kraf. Selepas itu, diikuti Puan Udaidah bt Hj Suhaili selaku pembantu tadbir. Tugas beliau merangkumi pemfailan stok bahan mentah dan menjaga stor penyimpanan barang serta perpustakaan. Di samping, beliau merupakan tenaga pengajar bagi program pendidikan kraf dan mahir dalam bidang sulaman manik. Seterusnya, diikuti Hjh Saptuyah bt Mohd Edoon ditugaskan untuk menjaga galeri pameran serta stok bahan galeri, juga menghantar laporan latihan-latihan yang dilaksanakan bahagian Pemuliharaan. Beliau juga selaku pengajar kraf dan mahir dalam pembuatan mencanting batik. Dan akhirnya, Puan Hasiah bt Hashim pula ditugaskan untuk membantu serta mahir dalam pembuatan songket. Bahagian ini digabungkan dengan bahagian promosi seperti dalam rajah di bawah.